

Headline **Mangsa sesat ditemui**  
Date **05 Dec 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **S7**  
Article Size **424 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,332**  
PRValue **6,996**



# Mangsa sesat ditemui

Selepas tiga hari hilang ketika jogging di hutan Frim

**ULU KEPONG** – Seorang lelaki yang dipercayai sesat ketika berjoging melalui kawasan hutan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), di sini ditemui jam 3.32 petang semalam setelah operasi menyelamat dijalankan sejak tiga hari lalu.

Mangsa, jurujual jentera berat, Phan Chun Kiat, 33, dikatakan keluar berjoging petang Khamis lalu sebelum menelefon isterinya sekitar 6.30 petang hari sama memaklumkan dia tersesat.

Khuatir keselamatan suaminya, isteri mangsa, Loke Mee Kin, 33, memaklumkan kepada anggota penguatkuasa Frim dan gerakan mencari mangsa dimulakan sebelum mendapatkan bantuan pihak bomba.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang (BBS), Zakaria Aini berkata, pihaknya mendapat panggilan pada 8.50 malam pada hari kejadian dan memulakan usaha mencari mangsa sehingga 2.40 pagi.

“Kita mendapat panggilan pada jam 3.32 petang tadi (semalam) memaklumkan salah satu pasukan gerakan menyelamat menemui mangsa berhampiran kawasan Bukit Lagong, menghala ke arah Sungai Buloh.

“Sejak Khamis lalu sehingga hari ini (semalam), gerakan mencari diteruskan bersama tiga anggota K9 dengan dua anjing pengesanan, sehingga misi berakhir hari ini,” katanya ketika ditemui di kawasan berhampiran Masjid Frim yang dijadikan pusat gerakan sementara di sini, semalam.

Turut membantu mangsa yang tinggal di Fortune Avenue Kondominium Kepong dalam operasi itu adalah anggota Ikatan Relawan Rakyat (Rela) serta Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPAM).

Sementara itu, Penolong Penguasa Bomba yang juga Komander Pasukan Must Team, Abdul Latif Mat Noor berkata, mangsa ketika ditemui pasukan menyelamat berada dalam keadaan lapar, letih dan luka kecil pada bahagian kaki.

Menurutnya, dengan keadaan hanya berbaju T dan berseluar pendek, mangsa memaklumkan cuba memasuki ke lorong laluan jogging tetapi merasa terlalu tinggi manakala hari sudah gelap.

“Bagaimanapun pendekatan mencari kita gunakan hari ini bermula jam 10 pagi (semalam) ialah dengan membahagikan kepada lima kumpulan, terdiri daripada semua anggota keselamatan yang terlibat.

“Setiap pasukan menyusuri satu anak sungai dan usaha mencari berdepan dengan cabaran kerana anak sungai yang berbatu dan licin ditambah pula dengan faktor hujan serta keadaan tanah tinggi antara 300 sehingga 400 meter,” katanya.

Abdul Latif berkata, walaupun agak lemah, tetapi setelah diberikan makanan dan minuman, mangsa kembali stabil dan meminta bertemu keluarganya terlebih dahulu, biarpun sebelum itu beliau dicadangkan ke hospital bagi mendapatkan rawatan lanjut.

Katanya, jarak pusat gerakan di Frim dengan tempat mangsa ditemui adalah kira-kira lima kilometer.

Difahamkan, sebelum itu mangsa sempat menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada anggota bomba dan isterinya memberitahu lokasinya.

Anggota penyelamat cuba ke tempat dimaksudkan, namun mangsa gagal dihubungi setelah telefon bimbitnya dipercayai kehabisan bateri.

Dalam pada itu, Ketua Pengurusan Korporat Frim, Norhayati Nordin berkata, kejadian orang sesat di Frim adalah kali pertama dilaporkan.

Headline **Mangsa sesat ditemui**  
Date **05 Dec 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **S7**  
Article Size **424 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,332**  
PRValue **6,996**



■ Norhayati (berdiri) dan Zakaria (kanan) ketika berbincang berhubung lokasi Chun Kiat dipercayai hilang sejak tiga hari lalu. Gambar kecil: Chun Kiat ditemui pada jam 3.32 petang semalam.



■ Sebahagian anggota keluarga mangsa ketika keluar selepas meninjau kawasan hutan Frim dimana Chun Kiat dilaporkan hilang sejak Khamis lalu.